



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2022
KETUA MENTERI MELAKA**

**TEMA: “KECEKAPAN PELAKSANAAN DEMI KEMAKMURAN
NEGERI MELAKA”**

**PADA 10 JANUARI 2022 (ISNIN)
DI AUDITORIUM KOMPLEKS SERI NEGERI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ
وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ نَاصِرِ الْحَقِّ بِالْحَقِّ
وَالْهَادِي إِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيمِ وَعَلَى آلِهِ حَقَّ
قَدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia,**

Terima kasih saudara pengacara majlis;

**Yang Berhormat Datuk Wira Ibrahim Durum
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;**

**Yang Berhormat Datuk Zaidi bin Johari
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara;
Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;
Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;**

**Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Peringkat Negeri
dan Persekutuan;**

**Yang Berbahagia Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, Datin-
Datin, Dif-Dif Kehormat, rakan-rakan media;**

**Para hadirin dan hadirat, yang tidak dapat saya sebut namanya
satu persatu, itu tidak pernah mengurang dan hilang hormat
saya kepada anda semua;**

**Tuan-tuan dan puan-puan, para penjawat awam yang dikasihi
sekalian;**

**Apa kabau penjawat awam dan orang Melaka? Semua sihat?
Alhamdulillah! Saya doakan agar semuanya sihat.**

MUKADIMAH

1. Mengawali segalanya, izinkan saya membaca petikan dari **surah Al-Baqarah, ayat 148**:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيٰهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ



جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

- “Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia menghadap kepadanya. Maka berlomba-lombalah kalian (dalam membuat) kebaikan. Di mana saja kalian berada, pasti Allah SWT akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat), sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu.*
2. Berbekalkan mafhum firman Allah SWT ini, menyeru kita agar, melakukan **“Fastabiqul Khairat”** yakni berlumba-lumba membuat kebaikan, sama ada kebaikan itu untuk diri kita, keluarga kita, waima kebaikan untuk pejabat kita, demi kepentingan Negeri Melaka yang tercinta ini.
 3. Apatah lagi di kala rakyat sedang susah, kita berdepan dengan ujian demi ujian, dengan pandemiknya, banjir dan sebagainya, yang sudah barang pasti, kita mesti berlumba-lumba bagi menawarkan bantuan dan pertolongan, dalam pelbagai bentuk serta perkhidmatan.
 4. Lalunya azam tahun ini, boleh sama-sama kita ‘berlumba-lumba buat kebaikan’? **“Fastabiqul Khairat”** demi rakyat dan negeri? Boleh semua? Boleh?

Alhamdulillah,...

Saudara dan saudari, para penjawat awam yang dikasihi sekalian,

5. Hari ini, **YAUMUL ITHNAIN**, yakni **Isnin, tanggal 10 Januari 2022, bersamaan 7 Jamadil Akhir 1443 Hijriyyah, iaitu hari ke-10, kita masih hidup menghirup nafas segar, 'sehela demi sehela', memasuki 2022 tahun baharu masehi.**
6. Atas takdir Allah SWT jua, Alhamdulillah, Tuhan beri saya peluang untuk bersama-sama saudara saudari, di permulaan tahun baharu, bagi tahun kedua.
7. Seingat saya, setahun yang lepas, pada **11 Januari 2021, di hadapan 400 penjawat awam, saya berdiri secara 'face to face' dalam majlis Amanat Tahun Baharu 2021.**
8. Ternyata, kini sedikit berbeza, Amanat Tahun Baharu 2022 disampaikan secara *hybrid*, di mana di hadapan saya, hanya ada 200 orang sahaja ketua-ketua jabatan,...
9. manakala selebihnya,... saya diberitahu,... **sekitar 20,000 orang, sedang menyaksikannya** secara di atas talian, sama ada secara Video Conference mahupun FB live...
10. **Saya hendak bertanya sikit,... Pejabat Tanah dan Daerah Melaka Tengah,... Alor Gajah dan Jasin ada?..., 4 PBT, MBMB, MPHTJ, MPAG, MPJ ada?... Siapa lagi?...**
11. Macam ni la,... **kepada semua Pejabat dan Jabatan yang mengikuti secara maya, sebagai menandakan anda sedang menyaksikan amanat ini,... sila bersama saya, kita lambaikan tangan masing-masing!,...**
12. Sambil kita sama-sama ucapkan **SELAMAT TAHUN BAHARU 2022.**

Saudara dan saudari,

13. Pada kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Melaka, **kita merakamkan penghargaan kepada mantan Setiausaha Kerajaan Negeri, YBhg. Dato' Ts. Kamel Mohamad, atas segala khidmat bakti yang telah beliau curahkan di Negeri ini.** Semoga beliau terus maju jaya bertugas di tempat baharu.
14. Di sini, saya ingin **mengalu-alukan YB Datuk Zaidi bin Johari, sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu. Saya yakin, dengan pengalamannya yang luas dalam perkhidmatan awam selama ini,** YB Datuk mampu membantu saya dan Kerajaan, memimpin serta mewakili warga penjawat awam negeri dan persekutuan di Melaka ke mercu kejayaan, yang kini, jumlahnya mencecah **55,044 orang.**
15. Syahadan, sebagai terima kasih dan penghargaan, diucapkan selamat bertugas, seraya kita **berikan tepuk penghormatan kepada kedua-duanya!**

Para Penjawat Awam yang dikasihi,

16. Diam tak diam, sudah hampir 2 tahun kita 'bertempur' melawan pandemik COVID-19. Bermacam cara dan usaha telah kita lakukan untuk mengekang penularannya.
17. Percayalah, dalam menghadapi **"the new norm"** ini, selain terus patuh SOP ditetapkan, kita takkan sesekali berputus asa, malah kita akan terus berjuang sampai berjaya dengan *Hashtag*, **#MelakaMestiMenangCOVID19.**
18. Hasilnya, berkat usaha gigih semua pihak, seramai **631,485 orang atau 93.2 peratus populasi dewasa di Melaka telah lengkap menerima vaksin.** Pada masa yang sama, **52.8 peratus** daripada yang layak atau telah cukup tempoh, telah menerima **dos penggalak** masing-masing.
19. Kepada penjawat yang terlibat dalam ikhtiar ini, **tahniah saya ucapkan!**

Saudara dan saudari,

20. Lebih 50 hari yang lalu, pada **4 Oktober 2021, Kerajaan Negeri** terpaksa dibubarkan. Manakala Pilihanraya Negeri Melaka Ke-15, terpaksa diadakan awal iaitu pada 20 November 2021, yang puncanya semua kita sudah pun tahu.
21. Berkat sokongan rakyat Melaka, termasuklah para penjawat awam, syukur kepada Allah SWT, takdir telah menetapkan bahawa, Kerajaan Barisan Nasional telah kembali diberi mandat oleh rakyat untuk memimpin dan mentadbir Negeri ini,... bukan lagi dengan 17 kerusi, malah, 21 Kerusi Dewan Undangan Negeri.
22. Ini bermakna,... InsyaAllah, Barisan Nasional akan memimpin sebuah Kerajaan stabil, yang bukan setakat mendapat majoriti dua pertiga $2/3$,... bahkan mencapai majoriti tiga per empat $3/4$!

Saudara dan saudari,

23. Lantaran itu, saya mewakili kesemua 21 Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, termasuk 10 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dari hati yang mendalam, amat terhutang budi kepada semua pengundi dan seluruh rakyat Melaka,...
24. khususnya para penjawat awam, dari sekecil-kecil hinggalah sebesar-besar jawatan, kerana telah memberikan mandat dan kepercayaan sehingga kami mencapai kemenangan besar dalam PRN baru-baru ini.
25. Saya doakan,...

**Tenang-tenang air di kolam,
Di laut pula ombak mendesah,
Hubungan erat Kerajaan dan Penjawat Awam,
Kekal bertaut takkan terpisah.**

26. Bersamalah kita **berterima kasih, saling menghargai, serta memberikan tepuk penghargaan kepada semua!**

Saudara dan saudari,

27. Jika pada tahun lalu, saya telah isytiharkan sebagai **TAHUN PE-LAK-SANAAN**. Maka pada **tahun ini pula, saya umumkan adalah TAHUN KECEKAPAN PE-LAK-SANAAN**.
28. **Maksudnya,... AMANAT TAHUN BAHARU 2022 kali ini dipilih bertemakan, “KECEKAPAN PELAKSANAAN DEMI KEMAKMURAN NEGERI MELAKA”.**
29. **KECEKAPAN PELAKSANAAN ini meliputi aspek Pemantauan, misalnya program-program peningkatan sosioekonomi rakyat, pengurusan pandemik COVID-19, pengurusan bencana dan sebagainya.**
30. Seterusnya aspek **Pemulihan Ekonomi, dan Pencapaian Prestasi seperti Petunjuk Prestasi Utama atau KPI serta Sasaran Kerangka Kerja atau SKK.**
31. Apatah lagi, sejak saya mengambil alih tampuk kepimpinan Negeri ini, kita melakukan pelbagai pelan dan inisiatif jangka pendek dan jangka panjang sehingga dibukukan antaranya, **kerangka halatuju Melaka Rumahku, Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035, Pelan Smartcity, dan Transformasi Sejahtera 2035 atau TS35, yang kesemuanya bertujuan untuk kesejahteraan rakyat serta kemakmuran Melaka.**
32. Hasilnya, berkat usaha gigih kita bersama, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka terus berada pada tahap terbaik apabila indikator pencapaian utama atau **key performance indicator (KPI) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri**, yang terdiri daripada pengurusan kewangan, tanah, pembangunan sosioekonomi dan pengurusan sumber manusia, **berbanding 97.22 peratus pada tahun 2020, kepada sudah mencapai tahap exceed target iaitu 98.60 peratus tahun 2021!**
33. **Tepukan syabas saya ucapkan!**

34. Saya berharap pada tahun ini, apatah lagi dah dapat bonus setengah bulan gaji,... sebagai nadi penggerak kepada Pentadbiran Kerajaan, **kita akan terus perbaharu azam, tekad dan komitmen, untuk kita mencapai peratusan lebih tinggi daripada yang sekarang sehingga 100 peratus, atau lebih daripada itu!**

Boleh semua? Boleh?

Terima kasih!

KEDUDUKAN INDIKATOR EKONOMI

Saudara dan saudari,

35. Seperti disedari, krisis kesihatan akibat pandemik COVID-19, telah memberi impak ketara kepada persekitaran ekonomi dunia termasuklah Malaysia.
36. Natiujahnya, Negeri Melaka mencatatkan penyusutan Keluaran Dalam Negeri Kasar (**KDNK**), daripada **RM43.6 bilion iaitu positif 2.9 peratus pada 2019 kepada RM41.03 bilion iaitu negatif 5.9 peratus pada tahun 2020.**
37. Malah, kesemua sektor ekonomi di negeri Melaka menunjukkan penurunan, kecuali sektor pertanian yang merekodkan pertumbuhan positif 3.7 peratus.
38. Bahkan, wabak COVID-19 juga menyebabkan rakyat kehilangan sumber mata pencarian secara drastik, yang memberi kesan kepada peningkatan **kadar pengangguran di Melaka**, iaitu, daripada **2.2 peratus pada 2020 kepada 3.0 peratus sehingga suku tahun ketiga 2021**, berbanding kadar pengangguran **Malaysia, yang masing-masing 4.5 peratus kepada 4.7 peratus** bagi tempoh yang sama.
39. Walau bagaimanapun, pelbagai inisiatif telah dilakukan, di mana, **tahun 2021** mula menunjukkan **sinar positif** dalam beberapa indikator ekonomi negeri seperti pelaburan, sektor

pelancongan dan juga kelulusan projek-projek pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan.

40. Selain itu, kita telah mengadakan 3 siri Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka 2021, **Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjana Kerjaya)** dan Program Pekerjaan Jangka Pendek Malaysia (MYSTEP, yang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.
41. Program ini melibatkan penyertaan **95 majikan**, yang dihadiri seramai **1,523 pencari kerja**. Sehingga 30 Disember 2021, Alhamdulillah, lebih **300 orang rakyat Melaka telah ditawarkan pekerjaan** dan **779 orang layak ke peringkat kedua temuduga**.
42. Pada tahun ini pula, Karnival Kerjaya akan diadakan di kawasan-kawasan luar bandar. Konsep ini adalah untuk mendekati **masyarakat yang berada di kawasan luar bandar mendapat peluang pekerjaan dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup** mereka.
43. Untuk itu, bagi menghargai **UPEN, Institut Tun Perak (ITP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan agensi-agensi lain** yang terlibat dalam penganjuran ini, **silalah kita beri tepukan tahniah buat mereka!**

OVERVIEW PENCAPAIAN PSMJ 2035

Saudara saudari,

44. Berhubung pencapaian **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035 pula**, melibatkan 31 Strategi, 130 *Quick Wins* dan 64 *Symbolic Actions*, di bawah 8 *Flagship* PSMJ 2035 iaitu:
 - i) Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ);
 - ii) Pengurusan Air Mampan;
 - iii) Pembangunan Bersasar;
 - iv) Digital Melaka;
 - v) Melaka Negeri Usahawan;
 - vi) Melaka Negeri Pelancongan;

- vii) Melaka Hub Pendidikan; dan
- viii) Melaka Sejahtera (Perpaduan, Kesihatan, Kebajikan dan Belia & Sukan);

45. Maka sukacitanya saya maklumkan, sehingga **30 Disember 2021, pencapaian keseluruhan PSMJ 2035 adalah 91 peratus!**

46. **Tahniah semua!**

Saudara saudari,

47. Kerajaan Melaka turut bersimpati dan berdukacita di atas bencana banjir yang melanda dan saya bersama dengan Ahli-Ahli Berhormat serta pelbagai agensi Kerajaan berkaitan, telah turun padang membantu mereka yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

48. Tambahan, antara yang menjadi tumpuan utama kita sejak dua bulan lepas adalah **mengurangkan masalah banjir** di Melaka, terutamanya dari bulan November hingga Mac setiap tahun.

49. Saya berharap agar, semua yang kita rancang akan dapat mengatasi atau setidak-tidaknya mengurangkan kesan akibat banjir ini.

50. Berikut adalah sebahagian daripada inisiatif kita dalam mengatasi masalah banjir ini:

51. **Satu:** Sebanyak **404 projek-projek kecil berbentuk jangka pendek** seperti naiktaraf parit, longkang dan lain-lain yang berkaitan bernilai RM40.37 juta dilaksanakan **pada 2021, sementara menunggu projek jangka panjang Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

52. **Dua:** Kelulusan peruntukan segera berjumlah RM8 juta bagi pelan jangka pendek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Melaka, yang antara lain, bagi mengurangkan kesan bencana di 'Hot Spot' utama banjir di Melaka.

53. Untuk ini, Kerajaan Melaka menzahirkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kerana telah meluluskan peruntukan segera ini, selain kesudian YAB Perdana Menteri sendiri, melawat mangsa-mangsa dan melihat sendiri kesan tragedi yang berlaku.
54. **Tiga: Tahun 2022**, sebanyak **58 projek jangka pendek bernilai RM23.9 juta** akan dilaksanakan berdasarkan kelulusan oleh Kementerian Kewangan dan Bajet pembangunan negeri.
55. Selanjutnya, Kerajaan Negeri turut merakamkan terima kasih di atas kelulusan **lapan projek untuk menyelesaikan isu banjir bernilai RM931.2 juta**.
56. Antara projek yang terlibat adalah RTB Sungai Melaka Fasa 1, RTB Sungai Duyong, RTB Bandar Merlimau dan naiktaraf Kolam Tebatan Banjir Krubong sebagai kolam dwi-fungsi untuk tebatan banjir dan sumber air, yang pertama seumpamanya dilaksanakan di Malaysia.
57. **Saya amat berharap projek-projek tersebut dapat disiapkan dalam tempoh RMKe-12 ini.**
58. Selain itu, kita telah mengemukakan permohonan projek RTB Sungai Putat dan RTB Durian Tunggal kepada pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) di bawah *Rolling Plan 3 (RP3)* RMKe-12.
59. Di bawah **pengurusan air mampan**, kelulusan projek sumber air juga telah diperolehi dengan kos berjumlah **RM1.303 bilion**, antaranya projek **Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih di Daerah Alor Gajah, projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Melaka di Tasik Biru, Jasin dan Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus, Daerah Jasin, Melaka.**
60. Saya yakin, dengan pelaksanaan kesemua projek yang telah diluluskan ini, ia dapat memenuhi permintaan bekalan air Negeri Melaka sehingga tahun 2050. InsyaAllah!

Saudara dan saudari,

61. Menyebut tentang banjir juga, saya ingin berkongsi kisah orang Melaka yang pernah menjadi tular, apabila sanggup meredah kepayahan untuk menyelamatkan mangsa banjir di Shah Alam dan beberapa tempat lain.
62. Hati saya tersentuh, apabila beliau pergi ke sana dengan menggunakan kereta Viva dan membawa sebuah bot di atas bumbungnya, dengan hanya berbekalkan duit sebanyak RM50. Itupun RM20 digunakan untuk mengisi minyak kereta, dan RM30 lagi, bagi membeli makanan untuk mengalas perut.
63. Insan berhati mulia yang saya maksudkan ini adalah, **Encik Azwan Omar**. Beliau ada bersama dengan kita pagi ini. Marilah kita semua zahirkan penghormatan kepada sukarelawan “**Hero Orang Melaka**” ini, dengan memberi **tepukan semangat kepada ‘Abang Viva’ kita!**

Saudara dan Saudari,

64. Sejak beralih ke fasa 4 pada 11 Oktober lalu, **sektor pelancongan di Melaka terus menunjukkan perkembangan positif** di mana, dari Januari hingga November 2021, Negeri menerima kehadiran seramai 1.303 juta pelancong dari dalam dan luar Negeri Melaka.
65. Misalnya, kehadiran **pengunjung ke muzium di bawah Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) meningkat hampir 80 peratus**. Manakala **Zoo Melaka** pula mencatat 10,000 pengunjung dalam tempoh 16 hari, selepas ia dibuka semula kepada orang ramai.
66. Antara inisiatif yang telah dijalankan Kerajaan, melalui Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) adalah **kempen Melaka Safe Haven & Relaks@Melaka** dan **Kempen Promosi Melakan Visit Melaka 3.0**.

67. Terkini, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) melancarkan **pakej *Everlasting Love Boat*** pada 12 Disember lalu, bagi memberi peluang kepada pasangan suami isteri untuk menyambut hari-hari istimewa.
68. Satu lagi tarikan baharu akan diperkenalkan, yang dikenali '**Bot Loncat-Loncat**', (bukan yang 'melompat-lompat' ya), berfungsi sebagai perkhidmatan seakan 'teksi air', bakal memberikan kemudahan kepada pengunjung untuk bergerak dari satu destinasi ke destinasi lain, sejauh 10 kilometer dalam jajaran Sungai Melaka.
69. Di bawah sub sektor **pelancongan kesihatan pula, Putra Specialist Hospital (PSH) Melaka** akan menjadi **hospital pertama di Asia** melaksanakan kaedah **pembedahan menggunakan teknologi robotik bermula pertengahan tahun 2022.**
70. Teknologi robotik ini merupakan batu loncatan untuk menjadikan PSH Melaka lebih dikenali, selain membawa lebih ramai pelawat ke Melaka, bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan terutamanya selepas pandemik ini atau semasa endemik.
71. Saya percaya, InsyaAllah, perkembangan pesat sektor pelancongan ini, akan membawa limpahan manfaat bukan sahaja kepada pengusaha hotel dan produk pelancongan, bahkan kepada penarik beca, penjual kraf tangan, pemandu teksi, pengusaha restoran ataupun peniaga warung, bakal menerima pulangan lumayan, hasil daripada usaha Kerajaan Negeri ini.
72. Semestinya, kita hargai usaha **PERZIM, BPP, PSH dan agensi berkaitan pelancongan Melaka**, seraya kita beri tepukan tahniah buat mereka semua!

Saudara dan saudari,

73. Menyentuh tentang *game changer* pula, bagi mengembalikan semula kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa tersohor dan tersibuk di dunia, **Perbadanan Melaka Water Front Economic Zone (MWEZ) telah ditubuhkan**, melalui kelulusan Dewan Undangan Negeri Melaka pada September 2021.
74. MWEZ bertindak sebagai penyelaras kepada projek-projek pembangunan di kawasan tambak laut. *Blueprint* MWEZ telah dirangka untuk menjadi rujukan agar pembangunan di kawasan tersebut dapat dilaksanakan secara terancang dan menyeluruh.
75. Hakikatnya, pembangunan tambak laut menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan Negeri. Sebanyak **RM100 juta telah berjaya dikutip iaitu 21.86 peratus**, daripada keseluruhan hasil Kerajaan Melaka pada tahun 2021.
76. Jumlah ini dapat menampung kekurangan hasil Kerajaan Negeri akibat pandemik COVID-19. Tahun ini, Kerajaan Melaka akan berusaha untuk mendapatkan **pengiktirafan MWEZ sebagai sebuah projek nasional** dan kelulusan pengwujudan sebuah kawasan **bebas cukai** di kawasan ini.
77. Kita bersyukur kerana, Melaka masih menjadi **destinasi pelaburan pilihan para pelabur**. Dalam tempoh Januari hingga September 2021 sahaja, laporan daripada *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) menunjukkan, sebanyak 111 projek telah diluluskan, dengan 3,110 peluang pekerjaan, melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM4.822 bilion, di mana RM3.4 bilion adalah pelaburan asing, manakala RM1.422 bilion adalah pelaburan tempatan.
78. Pelaburan ini adalah lebih tinggi, berbanding yang direkodkan dalam laporan MIDA untuk tahun 2019 dan 2020. iaitu masing-masing sebanyak RM2.205 bilion dan RM3.316 bilion.
79. Di sudut lain, dalam mengejar kemajuan, kita sesekali takkan lupa akan pengorbanan wira *frontliners* kita, **Allahyarham Mohd Diya Che Jusoh, anggota Bomba yang lemas ketika**

cuba menyelamatkan mangsa banjir di Kampung Sungai Putat, tahun lepas.

80. Balu Allahyarham ada bersama kita di Auditorium ini. Terima kasih puan, terima kasih kerana sudi hadir, lalu marilah kita beri tepuk penghormatan kepada **Puan Noraida bt Che Nor!**

Saudara saudari, warga penjawat awam yang dikasihi,

81. Sebagai makluman, Kerajaan Negeri telah memperolehi **kutipan hasil negeri** yang merangkumi kutipan hasil cukai, hasil bukan cukai dan pelbagai terimaan sebanyak RM457.5 juta berbanding sasaran RM445.96 juta, iaitu **melebihi sasaran 100 peratus.**
82. Tambahan, kita juga berjaya meningkatkan rizab negeri, berbanding RM960 ribu pada tahun 2020, kepada sebanyak RM15.970 juta.
83. Selayaknya, penghormatan juga kita berikan kepada **agensi pemungut hasil** yang bekerja keras terutamanya, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Tanah dan Galian dan ketiga-tiga Pejabat Daerah dan Tanah.

Sekalung syabas kami ucapkan!

Saudara dan saudari,

84. Begitu juga semua **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**, di bawah inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: SEJAHTERA BERSAMA, dengan 60 inisiatif berjumlah RM174.53 juta, sebanyak **40 touch points** berjaya dilaksanakan antaranya, pengurangan 50 peratus bayaran sewa gerai dan ruang niaga di kawasan pentadbiran PBT, Potongan 50 peratus Lesen Penjaja dan Peniaga Kecil serta pengecualian caj perkhidmatan cukai taksiran.

85. Pada 2022, seramai 295,384 pemegang cukai taksiran di semua PBT Melaka boleh berasa lega dengan pengurangan 10 peratus cukai taksiran dengan implikasi kewangan berjumlah RM23.06 juta.
86. Laginya, inisiatif Melaka Bebas Niaga akan diteruskan dengan mewujudkan zon kawasan perniagaan lebih terancang yang dilengkapi dengan infrastruktur asas, selain ditingkatkan kebersihan, keindahan dan keceriaan di kawasan tumpuan awam.

Saudara dan saudari,

87. Selanjutnya, **pengurusan tanah** turut mencatatkan prestasi **100 peratus pencapaian** bagi 2021, berbanding 99.83 peratus pada 2020.
88. Ia merangkumi urusan pendaftaran pindahmilik tanah dalam tempoh satu hari, permohonan kebenaran pindahmilik, mencagar dan memajak, proses permohonan pembangunan tanah bagi pertimbangan mesyuarat jawatankuasa pecah sempadan dan belah bahagi serta bilangan permohonan kebenaran pindahmilik hartanah oleh warganegara asing/syarikat asing di Negeri Melaka yang diproses dalam tempoh tiga bulan.

Saudara dan saudari,

89. Meskipun SOP semakin ketat akibat COVID-19, namun kecekapan pelaksanaan tetap dipertingkatkan, terutamanya dalam aspek perkhidmatan kepada pelanggan atau rakyat, baik di kaunter mahupun secara maya.
90. Di Melaka contohnya, sebanyak 307 **perkhidmatan** telah diwujudkan **secara atas talian** atau **End-to-End (E2E) service** dan pada 2021, sasaran 5 perkhidmatan E2E baharu telah pun dapat dicapai.

91. Antara perkhidmatan baharu diwujudkan adalah penyediaan Platform Pembayaran Online Kerajaan Melaka, Semakan Status Makluman Pembayaran kepada Pembekal dan Pengurusan Aduan serta Maklum balas Jabatan.
92. Malah, pada 2021, sebanyak 2 siri hari bertemu pelanggan secara maya, dikenali sebagai, **e-Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Melaka**, melibatkan penyertaan lebih 10 jabatan/agensi seperti pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan, Majlis Agama Islam dan sebagainya.
93. Ia satu inisiatif penambahbaikan perkhidmatan, bertujuan memberi peluang kepada pelanggan untuk berinteraksi secara maya, bagi menyalurkan aduan, pertanyaan dan cadangan kepada jabatan/agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Melaka, yang dibuka dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.
94. Setakat permulaan, sebanyak **100 perkongsian, 50 komen** dan hampir 500 orang yang telah menonton hari langsung e-Hari Bertemu Pelanggan, berkonsepkan hari terbuka, di samping **20 maklumbalas** orang awam telah diperolehi dalam memberi cadangan penambahbaikan pada hari langsung tersebut.
95. Kepada semua Jabatan dan agensi terlibat yang bertungkus lumus dalam menjayakannya, **terima kasih dan tahniah diucapkan!**

Saudara dan saudari,

96. Di sudut pengiktirafan, kita berbangga apabila **kesemua empat (4) PBT** telah mengekalkan pencapaiannya apabila diumumkan sebagai **Bandar Mampan** di Malaysia bagi 2021.
97. Seterusnya lagi, **Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)** telah memenangi Anugerah Khas Warisan dan dinobatkan sebagai **Johan Anugerah Khas Jean Paul L'allier Prize for Heritage**.

98. Di mana, MBMB berjaya menewaskan 11 bandar warisan lain di dunia, yang diadakan secara dwi-tahunan oleh Pertubuhan Bandar Warisan Dunia atau OWHC, berpangkalan di Quebec, Canada.
99. Manakala, **Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)** pula, telah **menjuarai anugerah Integriti dan Antirasuah 2021** bagi kategori Agensi Awam Negeri sempena Kolokium Integriti dan Antirasuah 2021.
100. **Setanjung syabas kepada kesemua 4 PBT dan JAIM!**

5 KECEKAPAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MELAKA

Saudara saudari sekalian,

101. Kenyataannya, banyak lagi yang ingin saya kongsi pada kali ini. Saya faham, hari ini bukannya waktu untuk membentangkan *scorecard*, tetapi, lebih kepada menyampaikan amanat tahun baharu.
102. Menjengah ke hadapan, demi **Kecekapan Pelaksanaan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka**, supaya momentum pecutannya di tahun 2022 ini lebih inklusif, mempunyai nilai, kreatif lagi inovatif, **saya menyarankan 5 Kecekapan Pelaksanaan, yang perlu dijadikan asas dalam merealisasikan segala perancangan, inisiatif dan tugas.**
103. **Pertama;** memahami konsep '*Government of The Day*'. ***Pada hemat dan sudut pandang saya bahawa;***
- “para penjawat awam perlu komited dan berdedikasi dalam menjalankan amanah serta tanggungjawab dengan penuh profesional dan semangat kebersamaan, untuk berkhidmat serta memberi Wala’ kepada ‘Government of The Day’, sebagai jentera Kerajaan, sentiasa sedaya upaya mendokong dan menyokong serta melaksanakan semua dasar dan agenda pembangunan yang telah diputuskan***

oleh Kerajaan, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat Negeri Melaka, selain mendukung konsep 'neutrality' dan 'government of the day' berlandaskan 'rule of law'".

104. **Kedua;** memfokus tumpuan, semasa **memuktamadkan pelan tindakan jabatan dan agensi untuk tahun 2022** kepada konsep '**Keluarga Malaysia**', yang selari dengan kerangka halatuju **MELAKA RUMAHKU**, bersifat inklusif dengan dilingkari **kecemerlangan duniawi dan ukhrawi**, dalam mengajak semua rakyat berbilang bangsa di negeri dan negara ini, bersama-sama ke arah membina sebuah Keluarga Malaysia yang utuh, penyayang serta berbudi pekerti mulia.
105. Selain itu, tumpuan juga kepada elemen Industri 4.0 (**IR 4.0**) dan memperkasakan **pangkalan data**, menerusi **Data Raya** (*Big Data*) dan **komunikasi** antara agensi, memperlengkap diri dengan teknologi *Internet of Things* atau *IoT*, ke arah kemajuan Melaka yang **lebih dinamik dan berinovasi** sebagai sebuah destinasi pelaburan berkonsepkan bioteknologi, agro-industri, industri maritim, memperluaskan inisiatif pintar dan industri digital dalam memenuhi jangkaan rakyat yang semakin tinggi.
106. **Ketiga;** merealisasikan segala pelan dan inisiatif jangka pendek serta jangka panjang sebagai **garis panduan dan ditambahbaik dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan** seperti, **Indikator SDG, PSMJ 2035, Smart City, Pelan Pembangunan Data Raya (PPDR 2035) dan TS 35**, demi kemakmuran Melaka.
107. Segala perancangan program dalam dokumen PSMJ 2035 hendaklah dipantau secara teliti dan telus melalui sistem Melaka Laksana serta membuat semakan pencapaian setahun PSMJ 2035, untuk memastikan sasaran KPI dapat dicapai seperti ditetapkan.
108. **Keempat:** Fokus tumpuan kepada kecekapan pelaksanaan **Manifesto 5 tahun**, "Kestabilan Demi Kemakmuran", yang

mempunyai 1 Matlamat, 5 Teras dan 103 inisiatif. **Paling penting, Manifesto mesti ditepati dan ditunaikan segala janji.**

109. Sebahagian kandungan Manifesto tersebut telah mula dilaksanakan melalui Bajet 2022 Negeri Melaka yang bertemakan “STABIL MELAKA, MAKMUR BERSAMA” dengan 3 Fokus Utama, 10 strategi dan 36 inisiatif, selain **mengemaskini perancangan pembangunan PSMJ 2035** supaya **selari dengan Manifesto tersebut.**
110. Seterusnya, **semua ketua jabatan** hendaklah menjadikannya sebagai **panduan dalam merangka pelan tindakan dan KPI** masing-masing. Perbincangan terperinci mengenainya adalah semasa Seminar Hala Tuju Pembangunan Negeri Melaka yang akan diadakan pada minggu ketiga Januari ini nanti.
111. Berkait hal Manifesto juga misalnya, kita sudah mula menepatinya menerusi Bajet Negeri 2022, di mana peruntukan RM100 ribu setahun, diberikan untuk setiap ADUN Bukan Kerajaan berjumlah RM700 ribu.
112. Peruntukan kepada ADUN Bukan Kerajaan tetap diberikan kerana saya beranggapan bahawa saya adalah Ketua Menteri kepada semua rakyat Melaka dan sebagai Kerajaan Negeri, kami bertanggungjawab untuk memberi keadilan sewajarnya kepada sesiapa sahaja yang layak dibantu dan berkeperluan.
113. **Kelima; Fokus tumpuan juga kepada kebajikan rakyat Melaka seluruhnya.** Dalam hal ini, para penjawat awam perlu memastikan bahawa **segala inisiatif kepada rakyat, hendaklah disampaikan dengan kadar pantas, lancar, sistematik dan berkesan.**
114. Contohnya, kita teruskan inisiatif Dana Kasih Niaga kepada 1,000 usahawan dan peniaga, dengan peruntukan sebanyak

RM1 juta sebagai insentif dan bantuan modal untuk usahawan atau peniaga,...

115. selain menyediakan latihan dan bantuan untuk memulakan urusan e-hailing dan meneruskan Melaka Easy Shop sebagai platform dalam talian untuk memasarkan makanan, kraftangan serta produk secara percuma dengan implikasi kewangan berjumlah RM100 ribu.
116. Di samping itu, Kerajaan telah mengumumkan bantuan kepada para nelayan seperti mewujudkan insentif sara hidup nelayan / petani / penternak dengan harapan mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup, sekaligus dapat menyerap bahang kenaikan kos sara hidup.
117. Misalnya, melalui pemberian insentif sara hidup secara *one-off* bernilai RM1 ribu seorang kepada 1,176 orang nelayan berdaftar melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM1.18 juta.
118. Atas semuanya itu tadi saudara dan saudari, jika kita perasan, tugas kecekapan pelaksanaan supaya impaknya sampai kepada golongan sasar iaitu rakyat, selain daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, di belakang tabirnya yang menjadi tulang belakang kita, adalah para penjawat awam, termasuk *frontliners*, pasukan kesihatan dan *team* keselamatan, yang selama ini telah membantu Kerajaan.
119. Oleh demikian, marilah kita saling hormat menghargai, dengan memberikan **setinggi terima kasih, seraya tepukan bergemuruh kepada semua penjawat awam baik di dalam dewan mahupun secara maya!**

Saudara dan saudari,

120. Tuntasnya,

Apa hebat Negeri kita,

**Bumi Bersejarah Menggamit Dunia,
Penjawat Awam Benteng Melaka,
'Sahabat' berkhidmat penuh setia.**

Saudara dan saudari,

121. Lantas itu,... **atas mandat besar ini, ayuhlah terus bekerja bersama saya dan Kerajaan,... kita perkasakan, "KECEKAPAN PELAKSANAAN,... DEMI KEMAKMURAN RAKYAT DAN NEGERI MELAKA", atas tagline,... GET IT DONE,... BAGI JADI,... KASI JADI!**

Saudara saudari, para penjawat awam yang dikasihi sekalian,

122. Akhirul kalam, pada waktu dhuha ini, saya mengajak semua, untuk kita munajat lalu sama-sama menadah tangan berdoa kepada Allah SWT;

BismillahirRahmanirRahim,

Ya Allah, Ya Tuhan Kami,

**Atas berkat waktu Dhuha ini,
Kami pohon keberkatan, merayu dipermudah segala urusan kami,**

**Jika rezeki kami masih di langit, maka Kau turunkanlah,
Jika ia di bumi, maka Kau keluarkanlah,
Jika masih jauh dan sukar, maka Kau dekatkan dan permudahkanlah,**

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim,

**Satukanlah hati-hati kami sekalian,
Dalam nikmat sabar, tekun berusaha atas landasan iman,**

Agar kami dapat bekerja sepasukan, meningkatkan kecekapan pelaksanaan, sekaligus kecemerlangan dalam perkhidmatan,

Ya Allah, Ya Qawiyyu, Ya Matin,

**Jauhilah kami daripada bala bencana,
Segala wabak, musibah kesulitan waima sengketa,**

Ya Allah, Ya Zal-Jalali Wal Ikram,

**Limpahkan kepada rakyat dan Negeri kami, keberkatan,
kemakmuran dan sejahtera berkekalan,
Sebagaimana Yang Engkau telah limpahkan,...
Kepada hamba-hamba-Mu yang soleh.**

Perkenankan doa kami Ya Allah, Kau Perkenankanlah!

Amin Ya Rabbal A'lam.

Saudara dan saudari sekalian,

123. Dengan lafaz, ***BismillahirRahmanirRahim***, sukacitanya saya merasmikan **Majlis Amanat Tahun Baharu 2022, sekaligus Melancarkan “Buku Mewajah Melaka Menggamit Dunia”**.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.